



**UMPSA Disability Services  
Unit (OKUMPSA)**

*Unit Perkhidmatan OKU UMPSA*

## **DASAR EKOSISTEM MESRA OKU DAN INKLUSIF (DAMAi)**

**UNIVERSITI MALAYSIA  
PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Diluluskan oleh Mesyuarat  
Jawatankuasa Pengurusan Universiti  
(JKPU) Kali ke-197, Bil.4/2023 dan  
berkuat kuasa pada 1 Februari 2023.

## **DASAR EKOSISTEM MESRA OKU DAN INKLUSIF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

### **1.0    OBJEKTIF**

Objektif Dasar Ekosistem Mesra OKU dan Inklusif UMPSA adalah untuk:

- a) Mewujudkan persekitaran/ekosistem kampus yang inklusif dan kondusif kepada warga OKU dengan penyelarasan pengurusan warga OKU yang cekap dan berkesan di semua peringkat pentadbiran universiti.
- b) Mengoptimumkan potensi dan bakat warga OKU melalui pakej integrasi program pemulihan dan pengupayaan yang komprehensif dan sistematik.
- c) Menjana jenama warga OKU UMPSA yang unggul, mampan dan profesional melalui sinergi teknologi untuk komuniti.
- d) Melestarikan ekosistem kampus mesra OKU untuk sinergi dan manfaat masyarakat dalam dan luar kampus.
- e) Membudayakan ikatan persaudaraan warga OKU dengan nilai empati dan kemanusiaan yang tinggi serta keperibadian mulia.

### **2.0    PENTERJEMAHAN ISTILAH**

Berikut merupakan beberapa istilah yang diguna pakai dalam dasar ini, iaitu:

#### **a)    WARGA OKU**

Warga OKU merujuk kepada semua pelajar, staf dan juga tanggungan staf yang berdaftar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang mempunyai kekurangan atau kecacatan dari segi fizikal, sensori, mental dan intelektual seperimana yang termaktub dalam Akta OKU 2008 yang mana telah disahkan sebagai OKU dan memiliki Kad Pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Istilah ini turut terpakai kepada pelajar, staf dan juga tanggungan staf antarabangsa yang telah disahkan OKU oleh pegawai perubatan bertauliahan.

#### **b)    UNIT PERKHIDMATAN OKU UMPSA (OkUMPSA)**

Unit Perkhidmatan OKU UMPSA (OkUMPSA) merujuk kepada unit di bawah Pejabat Naib Canselor UMPSA. Unit ini bertindak selaku penyelaras tadbir urus bagi mewujudkan persekitaran/ekosistem kampus yang inklusif dan kondusif kepada warga OKU dengan penyelarasan pengurusan warga OKU yang cekap dan berkesan di semua peringkat pentadbiran universiti.

**c) JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN AUDIT OKU UMPSA (JK PADU)**

Jawatankuasa Perkhidmatan dan Audit OKU UMPSA atau singkatannya PADU merupakan jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UMPSA bagi merangka dasar, perancangan pembangunan dan penentuan operasi serta pematuhan audit yang melibatkan warga OKU UMPSA.

**d) JAWATANKUASA PENGURUSAN HAK EHWAL OKU UMPSA (JK URUS)**

Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal OKU UMPSA atau singkatannya URUS merupakan jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Pengarah, Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OkUMPSA) bagi merangka dasar, perancangan, pembangunan dan penentuan operasi serta pematuhan audit yang melibatkan warga OKU UMPSA.

**e) KELAB DAMAI**

Kelab DAMAi ialah persatuan yang menjaga pelajar OKU UMPSA yang bermatlamat untuk melestarikan ekosistem kampus mesra OKU untuk sinergi dan manfaat masyarakat dalam dan luar kampus.

**f) KARIB OKU**

KARIB OKU merujuk kepada sukarelawan/pembantu fasi warga OKU (buddies) yang berdaftar dalam kalangan pelajar, staf serta staf dengan tanggungan OKU yang menyumbang untuk membantu program mengoptimumkan potensi dan bakat warga OKU iaitu melalui pakej integrasi program pemulihan dan pengupayaan yang komprehensif dan sistematik. Keahlian adalah terbuka iaitu gabungan warga OKU, KARIB OKU dan juga semua warga UMPSA yang berminat. KARIB juga adalah agen penggerak pembudayaan ikatan persaudaraan warga OKU dengan nilai empati dan kemanusiaan yang tinggi serta berkeperibadian mulia.

**g) FELO OKU**

FELO OKU merujuk kepada staf UMPSA yang dipilih oleh setiap fakulti/pusat/institut (PTJ) masing-masing dan menerima surat pelantikan daripada JK PADU UMPSA.

Penggunaan istilah-istilah lain seperti ketidakupayaan, aksesibiliti, penyesuaian munasabah, rekabentuk sejagat, adalah sama ertiya seperti yang termaktub dalam Akta OKU 2008 (Akta 685).

### **3.0 KOMITMEN UMPSA**

- 3.1** Memberi ruang dan peluang yang sama rata dalam kalangan warga UMPSA termasuklah warga OKU. Ianya dengan menghapuskan sebarang bentuk gangguan dan diskriminasi terhadap warga OKU. Menerapkan nilai serta budaya kampus yang mesra OKU dan positif dengan menggalakkan penglibatan warga OKU dalam bidang yang mereka ingin ceburi melalui khidmat bantuan dan sokongan yang sesuai.
- 3.2** Memberikan bimbingan dalma bentuk sistem sokongan dan latihan yang sistematik bagi menyokong serta menzahirkan komitmen UMPSA dalam memelihara hak warga OKU.
- 3.3** Sebarang bentuk tindakan yang mencetuskan gangguan sikap atau layanan terhadap warga OKU oleh individu maupun berkumpulan dianggap sebagai satu gangguan serius dan boleh diambil tindakan disiplin oleh pihak UMPSA.
- 3.4** Komitmen ini adalah berdasarkan model sosial OKU yang mendukung hasrat berikut iaitu dengan mengenalpasti serta menghapuskan lima jurang sosial;
  - i. Prosedur atau amalan serta proses kerja yang tidak fleksibel/anjal.
  - ii. Kesukaran untuk capaian serta mendapatkan maklumat
  - iii. Masalah capaian bangunan serta kemudahan fizikal berkaitan
  - iv. Isu capaian logistik dan kenderaan
  - v. Diskriminasi dalam perkhidmatan kesihatan serta sistem sokongan sosial

### **4.0 TANGGUNGJAWAB UMPSA**

- 4.1** Naib Canselor bertanggungjawab untuk meneraju dalam perlaksanaan dasar ini. Walaubagaimanapun, peranan ini juga boleh dijalankan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) atau mana-mana pegawai kanan universiti mengikur keperluan dan kesesuaian.
- 4.2** **Unit Perkhidmatan OKU UMPSA (OkUMPSA)**
  - i. OkUMPSA diletakkan dibawah Pejabat Naib Canselor yang menguruskan operasi yang berkaitan warga OKU.
  - ii. Pengarah OkUMPSA dilantik oleh Naib Canselor yang menjalankan fungsi yang ditetapkan oleh Naib Canselor dan mempunyai kuasa mentadbir mengikut kapasiti jawatan yang dilantik.
  - iii. Pengarah OkUMPSA bertanggungjawab menjalankan inisiatif dan aktiviti perkhidmatan serta kebijakan warga OKU. Beliau juga menjadi individu rujukan berkaitan hal ehwal warga OKU UMPSA.

#### **4.3 FELO OKU**

- i. FELO adalah staf UMPSA yang dicalonkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- ii. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) berkuasa melantik FELO dengan sokongan oleh pihak PTJ.

#### **4.4 Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

Semua PTJ di UMPSA bertanggungjawab melaksanakan semua inisiatif dan objektif yang termaktub dalam Dasar OKU UMPSA.

- 4.5** Pihak PTJ adalah berkait secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di UMPSA. PTJ berperanan menjalankan tanggungjawab bersama dalam menunaikan hak, menyediakan keperluan serta menyediakan khidmat sokongan kepada warga OKU UMPSA. PTJ memikul tanggungjawab serta berganding bahu dan tenaga untuk mencapai kesemua inisiatif dan objektif yang digariskan dalam Dasar OKU UMPSA secara muafakat.
- 4.6** Warga OKU boleh menggunakan kaedah serta cara yang sesuai jika terdapat sebarang isu serta aduan yang berkaitan dengan perlaksanaan Dasar OKU dalam melestarikan ekosistem kampus mesra OKU.

### **5.0 PERLAKSANAAN DASAR UMUM**

- 5.1** Peruntukan kemudahan untuk warga OKU memberikan hak bahawa warga OKU layak untuk mendapatkan keperluan serta prasarana yang menyokong persekitaran kehidupan kampus yang normal dan setara dengan warga UMPSA lainnya. Kemudahan yang disediakan perlu menepati keperluan tahap dan kategori OKU. Pengubahsuaian perlu dibuat bagi memenuhi keperluan warga OKU.
- 5.2** Perancangan Pembangunan bagi kemudahan dan prasarana kampus warga OKU perlu dirancang dan dirangka dengan teliti serta sistematik bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan iaitu Reka Bentuk Sejagat untuk keperluan khas warga OKU seperti ketetapan dalam Akta OKU 2008. Kesemua bangunan dan kemudahan perlu mematuhi kesemua piawaian Reka Bentuk Sejagat dan Capaian Pembinaan Persekutuan – Kod Amalan (MS1184:2014). Bagi bangunan sedia ada, bangunan berkenaan perlu diubahsuai dan dinaik taraf secara beransur-ansur bagi menepati piawaian berkenaan.
- 5.3** Kontraktor dan penyedia kemudahan perlu peka dan menepati ketetapan Dasar Perolehan Universiti yang menjamin kesaksamaan hak warga OKU dalam mendapatkan servis yang berkualiti.

**5.4** Jaminan keselamatan warga OKU perlu diberikan keutamaan. Kesemua PTJ bertanggungjawab memastikan persekitaran mesra OKU dan selamat dengan menyediakan Peta Laluan Keselamatan serta Prosedur Operasi Standard/Seragam bagi persediaan situasi kecemasan seperti kebakaran, kemalangan dan bencana alam.

**5.5 Penganugerahan dan Persijilan**

Warga OKU berhak mendapat penganugerahan dan persijilan mengikut kelayakan dan pencapaian.

**5.6 Kenyataan Umum dan Media**

Warga OKU layak untuk menerima informasi serta maklumat berkaitan dalam pelbagai bentuk dan format yang sesuai bagi kegunaan dan manfaat mereka.

**6.0 PERLAKSANAAN DASAR BAGI PELAJAR OKU**

Perlaksanaan Dasar OKU UMPSA bagi pelajar OKU bermula daripada proses permohonan sehingga tamat pengajian. Semua peringkat perlaksanaan ini melibatkan dasar seperti yang berikut:

- i. Permohonan
- ii. Pendaftaran
- iii. Sistem Sokongan
- iv. Pengajaran dan Pembelajaran
- v. Kemudahan

**7.0 PERLAKSANAAN DASAR BAGI STAF OKU**

Staf OKU mempunyai hak dan peluang yang sama dengan staf UMPSA yang bukan OKU. Mengikut Akta OKU 2008 menetapkan bahawa staf tidak boleh didiskriminasikan disebabkan status OKU. Peruntukan dalam Akta 2008 memberikan hak kepada staf OKU untuk menyumbang secara holistik serta mendapat peluang dan hak yang sama seperti staf UMPSA yang lain.

- i. Pengambilan staf OKU
- ii. Orientasi staf OKU
- iii. Kemudahan dan keperluan staf OKU
- iv. Khidmat dan bantuan staf OKU

**8.0 PERLAKSANAAN DASAR BAGI PELAJAR/STAF DENGAN TANGGUNGAN OKU**

Pelajar atau staf dengan tanggungan OKU mempunyai hak dan peluang yang sama dengan pelajar dan staf UMPSA yang bukan OKU. Mengikut Akta OKU 2008 menetapkan bahawa pelajar dan staf tidak boleh didiskriminasi disebabkan mempunyai tanggungan OKU. Peruntukan dalam Akta 2008 memberikan hak kepada pelajar dan staf OKU untuk menyumbang secara holistik serta mendapat peluang dan

hak yang sama seperti staf UMPSA yang lain.

## **9.0 PINDAAN DAN PENAMBAHAN PERKARA DALAM DASAR**

Pindaan mana-mana perkara dalam dasar dan/atau penambahan sesuatu perkara ke dalam dasar ini hanya boleh dibuat setelah mendapat persetujuan ahli-ahli JK PADU. Segala pindaan dan/atau penambahan dalam polisi perlu dimaklumkan kepada semua pihak di dalam UMPSA, sama ada melalui medium cetakan atau elektronik.

## **10.0 PENGEMASKINIAN DASAR**

Kajian semula dasar ini akan dilakukan berdasarkan keperluan semasa.

## **11.0 PEMAKAIAN DASAR**

Dasar ini hendaklah diguna pakai bersama:

- i. Akta Orang Kurang Upaya 2008.
- ii. Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi, 2018.

## **12.0 TARIKH KUAT KUASA**

Dasar ini berkuat kuasa mulai 25 Februari 2021.

## **13.0 SUMBER RUJUKAN**

- 13.1 Akta Orang Kurang Upaya 2008
- 13.2 Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi, 2018
- 13.3 Polisi Universiti Inklusif Siswa Orang Kurang Upaya, Universiti Malaya, 2012
- 13.4 IIUM Disability Inclusion Policy, 2018
- 13.5 Polisi Inklusif Orang Kurang Upaya Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020